


# Penggerak Kemajuan Saksama Selangor Kini



PERCUMA 23 - 30 November 2012, 9 - 16 Muharram 1434



CIP banteras  
gejala rasuah

muka 7

Paksi, MBI  
angkat martabat  
kebudayaan Melayu

muka 10

Sepetang  
Bersama  
Abby Abadi

muka 6



## DIHARGAI...

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menyerahkan cenderahati kepada Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Selangor 1434H/2012M, mantan Ketua Hakim Syarie Selangor, Datuk Johdi Toha, pada Majlis Ambang Maal Hijrah dan Pelancaran Sambutan Maal Hijrah 1434 yang berlangsung di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

BERITA PENUH MUKA 14

## Rizab Selangor untuk rakyat

Oleh SHERIDAN MAHAVERA

SHAH ALAM - Peruntukan RM500 juta yang digunakan untuk membina jambatan baru Klang, 1,200 unit Rumah Mampu Milik, meningkatkan bekalan air Selangor dan RM50 juta untuk projek mitigasi banjir adalah daripada rizab wang negeri yang kini mencecah RM2.5 bilion.

Pencapaian rizab yang tinggi itu adalah hasil pengurusan kewangan yang berhemah selama empat tahun Pakatan Rakyat (PR) mentadbir Selangor.

Ia empat kali ganda daripada jumlah RM600 juta semasa PR mengambil alih pentadbiran daripada Umno-BN pada Mac 2008.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, selama rizab meningkat, beliau mendapat pelbagai permintaan agar ia digunakan untuk rakyat Selangor.



lihat muka 3


LAGI BERITA BELANJAWAN  
DI MUKA 2, 3, 4 & 5



RM300 juta  
Jambatan ke-3 Klang

\*Ilustrasi  
gambaran  
artis grafik

# Peruntukan RM500 juta hasil Rizab Selangor



RM100 juta  
tingkatkan bekalan air



RM50 juta  
1200 rumah mampu milik



RM50 juta  
mitigasi banjir





SHAH ALAM - Penerapan konsep 'Value For Money' atau 'nilai untuk setiap sen yang dibelanjakan' berjaya menjimatkan lebih RM183 juta wang rakyat secara keseluruhan daripada dua inisiatif.

Pertama, Kerajaan Negeri berjaya menjimatkan RM102 juta melalui pelaksanaan sistem tender terbuka yang mengurangkan kos perolehan.

Kedua, melalui pengambilalihan kutipan sampah daripada Alam Flora Sdn Bhd awal tahun

# Konsep 'Value For Money' tingkat hasil negeri

ini, Kerajaan Negeri dapat menjimatkan RM81 juta.

Penjimatan RM81 juta itu kemudiannya disalurkan semula kepada rakyat melalui skim pemberian rebat 25 peratus

cukai pintu kepada pemilik rumah flat kos rendah di seluruh Selangor.

"Apabila kita mengambil alih pengurusan (kutipan sampah) tersebut, kita berusaha melaksanakan banyak penambahbaikan terhadap sistem pengurusannya.

"Antaranya mengamalkan sistem tender terbuka, melengkapkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan kompaktor dan pengurusan hutang PBT kepada Alam Flora.

"Kerajaan Negeri turut melakukan pemantauan aduan sisa pepejal, melantik kontraktor sokongan, membuat pengesanan semula, serta menubuhkan unit khas bagi menjalankan audit kutipan sisa pepejal," kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim semasa membentangkan Belanjawan Selangor 2013.

Sementara itu, penjimatan melalui amalan tender terbuka yang dijalankan sepanjang tahun melibatkan 63 projek berjumlah RM446 juta berbanding anggaran awal,

RM549 juta.

"Kedua-dua kejayaan ini hasil penerapan konsep 'value for money' yang dipraktikkan Kerajaan Negeri dalam setiap urusan, pengurusan dan pentadbiran sejak empat tahun lalu.

"Justeru, tohmahan jahat setengah orang yang tiada pengetahuan dalam pentadbiran ekonomi, kononnya rizab ne-

geri melonjak kerana kita menyimpan wang dan tidak membelanjakan untuk pembangunan rakyat ternyata meleset.

"Rizab negeri meningkat kerana segala pembangunan dan projek dilaksanakan secara telus dan tidak berlaku ketirisan dalam pelaksanaannya serta perbelanjaan berhemat (tidak melampaui batas) yang diamalkan Kerajaan Pakatan Rakyat (PR)," ujarnya.

## BELANJAWAN RM1.6 BILION

**Perbelanjaan Mengurus** **RM997 juta**  
Turun 0.3% berbanding Belanjawan 2012

**Perbelanjaan Pembangunan** **RM633 juta**  
meningkat 5%

### PERUNTUKAN SEKTOR SOSIAL

Merakytakan Ekonomi Selangor **RM118.2 juta**

Pendidikan **RM26.8 juta**

Pembangunan Modal Insan **RM11.3 juta**

Kampung Baru **RM5 juta**

Sukan **RM5.8 juta**

Adat Melayu **RM775,030**

Program-program Belia **RM3.5 juta**

Program Pembasmian Kemiskinan **RM7.5 juta**

Pembangunan Luar Bandar **RM1.5 juta**

Kerajaan Prihatin **RM1.1 juta**

Wanita **RM1 juta**

Tabung Kebajikan Anak Pekerja Ladang **RM1 juta**

Pemeliharaan Alam Sekitar **RM650,000**

Kebudayaan dan Kesenian **RM500,000**

Kesihatan **RM500,000**

### PERUNTUKAN SEKTOR PEMBANGUNAN

Infrastruktur **RM343,260,610**

Sosial **RM188,399,600**

Ekonomi **RM91,951,100**

Perbandaran **RM9,408,000**

Kemudahan Awam **RM297 juta**

Sains Teknologi & Inovasi **RM42 juta**

Perumahan **RM4.7 juta**

## KONSEP 'NILAI UNTUK SETIAP SEN YANG DIBELANJAKAN'



## Rakyat boleh akses kertas putih Talam

SHAH ALAM - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, sekali lagi membuktikan ketelusan pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) dengan mendedahkan dokumen Kertas Putih berkaitan hutang Talam Corporation Bhd yang menjadi bahan polemik Umno-BN.

Dua dokumen tersebut boleh diakses di laman web rasmi Kerajaan Negeri dan laman web

www.selangorku.com.

Abdul Khalid memberitahu langkah tersebut diambil agar rakyat Selangor mengetahui situasi sebenar berkaitan isu itu.

"Laporan penuh (firma audit) KPMG serta dokumen berkaitan kutipan hutang yang dalam simpanan Pejabat DNS juga boleh disemak oleh orang awam, tertakluk kepada prosedur di bawah Akta Kebebasan Maklumat," kata beliau.

Abdul Khalid turut menambah, menerusi dokumen tersebut, rakyat akan memahami pendirian Kerajaan Negeri yang lebih mengutamakan rakyat berbanding Kerajaan Pusat yang mementingkan Umno.



# 264 projek infrastruktur disiapkan dibawah Geran Selangorku

SHAH ALAM - Sebanyak 264 projek pembangunan infrastruktur berjaya dibangunkan di bawah Geran Selangorku bagi tempoh sehingga pertengahan Oktober 2012.

Ia merangkumi sembilan daerah dengan anggaran perbelanjaan sejumlah RM37.4 sudah dibelanjakan.

Hal itu merangkumi antaranya penurapan, mengecat, membaiki jalan dan longkang, penambahan dan pembaikan semula lampu jalan, pebaran jalan, pembinaan jalan lorong, dataran pantai, jalan rizab serta pembaikan pembetung daripada tersumbat.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata demikian dalam ucapan pembentangan Belanjawan 2013.

“Pentadbiran dan pembangunan di negeri Selangor dilaksanakan dengan corak yang agak berbeza daripada negeri-negeri lain. Konsep Hasil Negeri Untuk Rakyat disebar di seluruh pentadbiran negeri.

“Modal pelaksanaannya juga bukan sekadar datang daripada peruntukan

belanjawan negeri.

Kerajaan Negeri kreatif dengan menggunakan sumber-sumber lain bagi meningkatkan pelaburan pembangunan infrastruktur,” katanya ketika mengulas status pelaksanaan Geran Selangorku berjumlah RM300 juta.

Bagi program bukan fizikal pula, sebanyak 62 projek diluluskan di bawah Geran Selangorku dengan perbelanjaan sebanyak RM7.48 juta dibelanjakan.

**Pentadbiran dan pembangunan di negeri Selangor dilaksanakan dengan corak yang agak berbeza daripada negeri-negeri lain. Konsep Hasil Negeri Untuk Rakyat disebar di seluruh pentadbiran negeri**

**ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

## INFRASTRUKTUR SUKAN

- Peruntukan RM30 juta
- RM6 Juta untuk dibelanjakan
- 35 projek diluluskan meliputi 9 daerah



# UNISEL catat untung RM127 juta

SHAH ALAM - Tindakan Kerajaan Negeri mengambil alih liabiliti Universiti Selangor (Unisel) membolehkan universiti tersebut mencatat keuntungan sebanyak RM127 juta pada tahun lalu.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim tadi berkata, kesemua hutang dan liabiliti berjumlah RM150 juta itu dipindahkan ke Perbadanan Menteri Besar (MBI).

“Langkah tersebut membolehkan Unisel bebas daripada liabiliti dan bebanan bayaran hutang.

“Dengan ini juga, perbelanjaan Unisel akan berkurang di samping meningkatkan pendapatan,” jelas Abdul Khalid dalam sidang media selepas sidang Dewan Negeri Selangor (DNS).

Sebelum 2008, PIYSB-UNISEL mempunyai jumlah hutang sebanyak RM150 juta daripada pinjaman terbitan Bithaman Ajil Islamic Debt Securities (BaIDS) dengan Affin Investment Bank Berhad.

Justeru, Kerajaan Negeri menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan Unisel dan mengambil alih hutang tersebut.

Bayaran balik terbitan BaIDS mula dijelaskan pada tahun 2011 dan berakhir tahun 2022.

Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengeluarkan jumlah terhutang tersebut daripada Penyata Kewangan PIYSB bagi tahun 2011 oleh sebab bayaran balik pinjaman berjaya dilunaskan oleh Kerajaan Negeri melalui PIYSB.

Bagaimanapun, jumlah terhutang tersebut hanya boleh dikeluarkan daripada Penyata Kewangan PIYSB bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

## dari muka depan

### Rizab negeri hanya diguna jika terdesak

“Saya berpandangan rizab negeri tidak harus digunakan bagi menampung kos pengurusan mahupun untuk melaksanakan pembangunan biasa.

“Jauh sekali untuk memberi gula-gula kepada rakyat meskipun pilihan raya umum (PRU) yang begitu hampir.

“Saya tegas mengatakan rizab negeri hanya boleh digunakan apabila wujud desakan di luar jangkaan dan kegunaannya mestilah untuk rakyat teramai,” kata Abdul Khalid semasa mengumumkan peruntukan RM500 juta itu pada sidang dewan negeri Selangor.

Akan tetapi, desakan luar jangkaan itu telah berlaku apabila pentadbiran Pusat Umno-BN enggan menyalurkan dana pembangunan kepada Selangor, meskipun negeri menyumbang terbesar kepada ekonomi negara.

“Sudah tiba masanya Kerajaan Negeri menggunakan rizab negeri pada tahun 2013.

“Kita bercadang menggunakan sejumlah RM 500 juta dari wang rizab bagi projek-projek berikut.”

Projek-projek tersebut adalah:

- RM 300 Juta untuk membina jambatan ketiga di Klang yang pernah dijanjikan Kerajaan Pusat Umno-BN sebelum pilihan raya 2008 tetapi tidak ditepati sehingga kini.

- RM100 juta bagi pembangunan ‘Stormwater’ atau tadahan air hujan di hiliran sungai terbesar di Selangor untuk meningkatkan bekalan air terawat. Kajian Sumber Air Semulajadi Nasional menunjukkan air yang tidak dikumpul dari hujan mencecah

9,168 juta liter sehari. Manakala kadar penggunaan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya pada masa ini hanyalah 7,832 juta liter sehari.

- RM 50 juta bagi membaiki dan menaik taraf sistem saliran. Ini menampung sementara kegagalan Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sejumlah RM1 bilion kepada Jabatan Parit dan Saliran. Peruntukan ini juga untuk Pakej Rangsangan Pemulihan Sungai Klang yang diumumkan pada 2009.

- RM 50 juta membina ‘Rumah Mampu Milik Pasang Siap’ bagi membantu rakyat yang terbeban dengan harga rumah yang melambung di pasaran pada ketika ini. Dianggarkan, sejumlah 1,200 RMM dapat dibina dengan peruntukan itu.

## dari muka belakang

### Kerajaan Negeri kenal pasti aset negeri dan aset rakyat

Manakala RM633,019,310.00 atau 39 peratus diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan.

Kerajaan Negeri akan memperuntukkan kira-kira RM343 juta atau 54 peratus daripada peruntukkan pembangunan untuk infrastruktur seperti membina kemudahan awam (RM297 juta) dan perumahan (RM4.7 juta).

Manakala RM118.2 juta disediakan untuk program-program di bawah dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) seperti Skim Mesra Usia Emas (SMUE), hadiah anak masuk universiti dan Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas).

Di bawah strategi memperkasakan Pengurusan Aset Negeri, kerajaan Selangor mengenal pasti aset negeri atau aset rakyat

bernilai lebih RM27 bilion.

Aset tersebut adalah Aset Alih (harta modal, inventori dan stok) dan Aset Tidak Alih (Tanah dan Bangunan) yang bernilai RM15.2 bilion.

Terdapat juga lebih RM12.3 bilion aset air seperti empangan, loji rawatan air, kolam, rumah pam dan data-data sistem pengagihan.

Sebagai usaha untuk mendapatkan nilai daripada setiap ringgit yang dibelanjakan, Kerajaan Negeri telah menjimatkan sebanyak RM102.2 juta daripada pelaksanaan sistem tender terbuka.

Di samping itu, RM 81 juta di jimatkan apabila Kerajaan Negeri mengambilalih pengurusan sisa pepejal sejak tahun lalu.



# Kertas putih isu air dedah Kerajaan Pusat enggan bekerjasama

SHAH ALAM - Kertas putih yang dikeluarkan Kerajaan Negeri mendedahkan keengganan Kerajaan Pusat, antara punca pengambilalihan operasi air sehingga kini gagal.

Ini kerana Kerajaan Pusat mempunyai kuasa eksekutif memutuskan pengambilalihan industri air mengikut Seksyen 3 (1) Akta Industri dan Perkhid-

matan Air 2006 (WSIA).

Sikap ini membantutkan hasrat Kerajaan Negeri memberi perkhidmatan air yang cekap dan munasabah kepada rakyat Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Rumusan tersebut dinyatakan di dalam ringkasan laporan status penstrukturan semula industri perkhidmatan air.

Laporan tersebut disediakan Unit Perancangan Ekonomi Selangor dan diedarkan di Dewan Negeri Selangor.

Laporan itu juga menyebut bahawa syarikat pemegang konsesi menuntut nilai pampasan yang lebih tinggi daripada pulangan keuntungan 12 peratus yang ditawarkan Kerajaan Negeri.

Pada ketika ini, rawatan industri perkhidmatan air melibatkan syarikat konsesi Puncak Niaga Sdn Bhd, Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (Splash) dan Konsortium ABASS Sdn Bhd.

Sementara agihan air pula dikendalikan oleh konsesi Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas).

Keadaan ini menyumbang kepada pengurusan air tidak cekap dan kos operasi yang membebankan rakyat melalui kenaikan tarif air tinggi.

Oleh itu, Kerajaan Negeri mahu menstruktur semula industri dan perkhidmatan air

**CUKUP... pengurusan air tidak cekap punca kenaikan tarif air tinggi**



## Tawaran Kerajaan Selangor bagi mengambil syarikat konsesi sebanyak tiga kali

Tawaran/ Nilai	Tawaran Jumlah (RM/juta)	Status
13. 02. 2009	5,709	Ditolak semua pemegang konsesi
25.06. 2009	9,218	ABASS dan SPLASH bersetuju menerima tawaran SYABAS dan Puncak Niaga tolak
31.01.2010	9,277	Ditolak semua pemegang konsesi

agar rakyat bebas daripada beban tarif air yang tinggi.

Kerajaan Negeri juga menawarkan untuk membeli syarikat konsesi, tetapi ketiga-tiga tawaran berkenaan telah ditolak.

Menurut laporan itu, Kerajaan Negeri berpendirian bahawa tidak wajar untuk membayar pampasan terlampau tinggi kepada syarikat kons-

esi kerana mereka beroperasi sehingga mengaut pulangan modal serta mencapai jangkauan keuntungan sebagai pemegang saham utama.

"Syarikat konsesi boleh merujuk Timbang Tara Bebas Antarabangsa yang mana Kerajaan Negeri mematuhi apa jua keputusan dibuat," kata laporan itu.

## Pengurusan punca sukar dapat rebet air

SHAH ALAM - Ketiadaan badan pengurusan bangunan yang sah dan bertanggungjawab serta kurang komitmen bagi menguruskan pengagihan rebet air percuma kepada penduduk, antara punca penduduk di pangsapuri tidak mendapat subsidi air percuma 20 meter padu.

Hal itu melibatkan 3,500 unit rumah di 14 kawasan pangsapuri kos rendah selu-

ruh negeri.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Iskandar Samad berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Lau Weng San (DAP - Kampung Tunku).

Bagaimanapun, sebanyak 59,127 unit rumah kos rendah di 214 kawasan pangsapuri kos rendah yang masih menggunakan meter pukal sudah menerima rebet air percuma.

### Pangsapuri meter pukal terima air percuma

PBT	Jumlah
Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	5,254
Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	16,604
Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	8,893
Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	13,510
Majlis Perbandaran Klang (MPK)	6,590
Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	5,789
Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ)	3,798
Majlis Perbandaran Sepang (MP Sepang)	125
Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	300
Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	352



**Penggunaan meter pukal menyukarkan Kerajaan Negeri memberi air percuma kepada rakyat**

## Terokai penggunaan 'stormwater' tingkat sumber air

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM100 juta bagi sistem tadahan 'stormwater' atau air hujan di hiliran sungai sebagai sumber air bagi menggantikan projek mega pemindahan air dari Pahang.

Penadahan air hujan diharapkan dapat menampung air terawat yang hilang (NRW) sebanyak lebih 9,000 liter setiap hari akibat daripada sistem pengedaran air yang lemah.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, sistem 'stormwater' melibatkan beberapa komponen, antaranya penadahan air semasa hujan lebat, di mana air yang mengalir ke sungai akan dipam dari muka sauk yang akan dibina di tepian sungai.

Selain itu ujarnya, penakungan air juga dibuat sama ada melalui bekas-bekas lombong sedia ada atau kolam takungan yang dibina.

"Rawatan air boleh dibuat menggunakan teknik penurasan tebing sungai (River Bank Filtrations-RBF) dan seterusnya

mengguna pakai kaedah rawatan air konvensional bergantung pada kualiti air yang diperolehi daripada kolam takungan.

"Agihan air pula boleh dibuat menerusi sistem agihan sedia ada," katanya semasa membentangkan Belanjawan Selangor 2013 di Dewan Negeri Selangor (DNS).

Beliau berkata, Kerajaan Negeri bersedia untuk menerokai sistem itu di hiliran sungai, terutama Sungai Selangor, Sungai Langat dan Semenyih.

Katanya lagi, Kajian National Water Resources Study (NWRS) mendapati terdapat kuantiti air larian yang sangat besar, iaitu 9,168 juta liter sehari dan perlu dimanfaatkan untuk dijadikan sumber bekalan air terawat.

"Sebagai contoh, ketika musim hujan, Sungai Selangor mempunyai air hiliran hingga mencapai 21,000 juta liter sehari, sedangkan penggunaan bagi seluruh Lembah Klang, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya pada masa ini hanyalah 7,832 juta liter sehari," katanya.



# RM50 juta bina Rumah Mampu Milik pasang siap

SHAH ALAM - Sejumlah RM50 juta diperuntukkan bagi tujuan pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM) melalui projek 'Rumah Mampu Milik Pasang Siap' yang bakal dikendalikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor mulai tahun depan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, inisiatif itu bertujuan membantu rakyat yang terbeban dengan harga rumah yang melambung di pasaran pada ketika ini.

Katanya, projek itu diyakini mampu memberi keseimbangan terhadap harga tinggi dalam trend lonjakan harga ru-

mah kesan daripada penawaran dan permintaan pasaran akibat pengambilan untung yang keterlaluhan di kalangan pemaju.

Beliau berkata melalui projek itu, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperbaiki kesan-kesan harga pasaran yang terjadi akibat aktiviti persaingan spekulasi dalam perniagaan hartanah.

"Kerajaan Negeri yakin rizab negeri yang tinggi ini adalah hasil daripada perbelanjaan berhemat yang dilakukan pemimpin.

"Oleh sebab sikap Kerajaan Pusat yang tidak berlaku adil kepada rakyat Selangor dalam hal menyalurkan dana pem-

angunan ke negeri ini, sudah tiba masanya Kerajaan Negeri menggunakan rizab negeri pada tahun 2013.

"Justeru, kita bercadang menggunakan sejumlah RM500 juta dari wang rizab bagi projek pembangunan antaranya projek itu," katanya dalam ucapan pembentangan Belanjawan 2013 di Dewan Negeri Selangor (DNS).

Dalam pada itu Exco Selangor, Iskandar Samad, menyatakan perutusan RM50 juta ini membolehkan Kerajaan Negeri membina 1,200 unit rumah kos rendah dalam masa lima tahun di Selangor

# PKNS rancang bina 9,481 rumah menjelang 2014-2018

SHAH ALAM - Sebanyak 9,481 unit rumah mampu milik lagi di seluruh negeri dirancang untuk dilaksanakan bagi tempoh 2014 hingga 2018 oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Iskandar Samad berkata unit rumah itu akan dibina antaranya di Kota Puteri, Hulu Selangor, Antara Gapi dan Shah Alam.

Manakala bagi tempoh 2010 hingga 2013 sebanyak 1,215 unit rumah mampu milik sudah dibangunkan dan sedang dibangunkan.

"Empat projek sudah diadakan perbincangan dan kini sudah masuk ke permohonan kebenaran merancang," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) penggal kedua belas ketika menjawab pertanyaan Adun Tertai Jenice Lee.

Iskandar menambah Kerajaan Negeri turut menggalakan pemaju swasta untuk membina rumah mampu milik.

Setakat ini, katanya, sebanyak 1,500 unit akan dilaksanakan oleh pemaju dan kini dalam proses permohonan kebenaran merancang.

Mengulas lanjut, Iskandar berkata Kerajaan Negeri melalui PKNS sentiasa memberikan subsidi untuk pembelian rumah mampu milik.

"Contohnya, untuk fasa pertama, antaranya di Bukit Botak, ia meliputi sebanyak 1,215 unit rumah, daripada jumlah itu, PKNS memberikan subsidi sebanyak RM36 juta.

"Keperluan untuk membina rumah mampu milik bergantung kepada keperluan dan kesesuaian pembinaan sama ada sesuai untuk mampu milik atau kos rendah," katanya.



Iskandar Samad

## Dahului semua negeri dalam nilai pelaburan

SHAH ALAM - Selangor mencatatkan prestasi pelaburan tertinggi di Malaysia dengan nilai RM6.08 bilion bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini.

Jumlah tersebut melibatkan pelaburan domestik sebanyak RM4.59 bilion dan pelaburan asing (FDI) sebanyak RM1.49 bilion.

Pelaburan tersebut telah menawarkan 13,197 peluang pekerjaan baru kepada rakyat Selangor yang merangkumi jenis pekerja mahir, separa dan kurang mahir serta golongan profesional.

Jumlah tersebut diberikan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata jumlah pelaburan dianggarkan meningkat sebanyak RM7.7 juta setakat September lalu.

Katanya, sepanjang tempoh Januari hingga Julai 2012, sebanyak 142 projek pelaburan berjaya masuk ke Selangor.

Abdul Khalid menambah sepanjang tahun 2008 hingga 2011, Selangor menduduki kedudukan pertama dan kedua bersama-sama Pulau Pinang daripada segi jumlah pelaburan masuk ke dalam negeri dengan nilai purata sekitar RM38 bilion sepanjang empat tahun.


"Jumlah projek yang telah dan berjaya dilaksanakan di

negeri Selangor sepanjang tempoh 4 tahun tersebut adalah sebanyak 302 projek (2008), 278 Projek (2009), 325 projek (2010) dan 263 projek (2011).

"Peluang pekerjaan yang berjaya disediakan hasil pelaburan masuk ke negeri Selangor sepanjang tempoh tersebut adalah sebanyak 30,890 orang (2008), 22,753 orang (2009), 27,865 orang (2010) dan 20,750 orang (2011)," katanya dalam ucapan pembentangan belanjawan 2013.

**Pelaburan tersebut telah menawarkan 13,197 peluang pekerjaan baru kepada rakyat Selangor yang merangkumi jenis pekerja mahir, separa dan kurang mahir serta golongan profesional**

## Selangor Dahului Pelaburan Malaysia



### Pembinaan Rumah PKNS

- 1,682 Unit Siap Tahun Depan
- Harga minimum RM85,000
- Harga maksimum RM150,000
- Keluasan 850 hingga 1,000 kaki persegi



# Sepetang Bersama Abby dedahkan wanita program kebajikan negeri

Oleh EZLI MASHUT

**SABAK BERNAM** - Kira-kira 400 wanita sekitar Parit Lapan Gambut Sungai Panjang dan kawan-kawan sekitar, berpeluang belajar memasak daripada chef yang di-datangkan khas daripada Shah Alam Convention Center (SACC).

Program yang dikendalikan Abby Abadi dengan tunjuk ajar Chef Zulkifli dan Chef Jamili, berpeluang belajar memasak Nasi Goreng Jepun, Kek Coklat Kukus Berpisang dan Daging Kari Hijau Ala Thai.

Program Sepetang Bersama Abby Abadi itu diadakan di Dataran Desa Permai dan dirasmikan Isteri Menteri Besar Selangor, Puan Sri Salbiah Tunut.

Beliau dalam ucapannya ber-

kata, wanita perlu memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dengan bergiat aktif dalam program-program kemasyarakatan.

Ujarnya, di bawah Kerajaan Negeri, banyak program disediakan untuk golongan wanita melalui agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang boleh dimanfaatkan.

“Program wanita ditonjolkan melalui Geran Selangorku yang memperuntukkan kira-kira RM30 juta untuk golongan wanita.

“Kerajaan Selangor adalah kerajaan yang prihatin dan kita tidak mahu rakyat di negeri ini menderita,” kata Salbiah.

Di samping itu, jelas Salbiah, di bawah Pertubuhan Kebaji-




Isteri Menteri Besar bersama Abby dan penyampai Salam Selangor, Marniza Othman sewaktu mengendalikan rancangan masakan bersama chef dari SACC



Sebahagian daripada hadirin yang hadir pada program tersebut

## KARTUN RAKYAT



kan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis), program Laman Dapur semakin mendapat perhatian melalui geran khas untuk projek pertanian.

“Kini di bawah program Laman Dapur kita ada projek pertanian, iaitu konsep menanam sayur dalam beg poli dan Kerajaan Negeri membiayainya dengan peserta menerima percuma 250 beg poli dengan tanah kompos dan sistem saliran yang berjumlah RM2,700 sekali sahaja,” katanya.

Ujarnya, program itu kini sedang di perluaskan di setiap DUN dari masa ke semasa yang mana ia mampu menjana pendapatan tambahan golongan suri rumah.

Dalam program berbentuk santai, itu orang ramai turut berpeluang beramah mesra dengan Puan Sri Salbiah dan Abby.

**Wanita perlu memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dengan bergiat aktif dalam program-program kemasyarakatan**

**- PUAN SRI SALBIAH TUNUT**  
Isteri Menteri Besar

Turut bersama dalam program itu Yang Dipertua Majlis Daerah Sabak Bernam, Zailani Kadir, Penyelaras Pusat Khidmat DUN Sungai Panjang, Fadzlin Taslimin dan bekas Pensyarah Undang-Undang UIA, Dr Aziz Bari.

## Selangor Kini

### SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin  
Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Sheridan Mahavera Mohd Shakir PENGARANG BERITA: Najib Hashim  
PENOLONG PENGARANG BERITA: Mohd Ezli Mashut PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim  
WARTAWAN: Afix Redzuan: afixredzwan@gmail.com, Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,  
Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB, Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,  
No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com



# CIP banteras gejala rasuah



Menteri Besar menurunkan tandatangan sebagai saksi CIP

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) muncul sebagai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) pertama di Malaysia menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) sebagai usaha membanteras gejala rasuah dalam bidang perniagaan.

CIP adalah dokumen yang membolehkan sesebuah organisasi untuk melaksanakan komitmen bagi mendukung prinsip pencegahan rasuah dalam mewujudkan urus niaga yang adil, telus dan bebas rasuah.

Ikrar berkenaan ditandatangani Pengerusi Besar PKNS, Othman Omar sambil disaksikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (pencegahan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Sutinah Sutan.

Abdul Khalid dalam ucapannya berkata, pemeteraian itu sekali gus dapat mengukuhkan akauntabiliti dan tadbir urusnya selain komited mewujudkan organisasi yang telus

dan terhindar daripada gejala rasuah.

“Saya percaya dengan adanya sistem ini ia dapat dipercayai, dengan cara kerja yang amanah dan berintegriti, pelanggan akan percaya dan kepercayaan itu akan memberi peluang kepada PKNS untuk memajukan lebih banyak pembangunan.

“Ia merupakan kesediaan pekerja untuk berkhidmat dengan daya pengeluaran yang tinggi serta menurut arahan dan peraturan malah menyimpan segala rahsia syarikat atau majikan,” katanya.

Sejajar dengan pemeteraian itu, Abdul Khalid turut melancarkan Polisi Pemberi Maklumat PKNS atau ‘whistle-blowing policy’ yang merupakan saluran untuk menerima aduan dan memberi peluang kepada orang awam atau kakitangan PKNS untuk melaporkan sebarang ketidakpatuhan dalam pelaksanaan aktiviti atau pelanggaran tatatertib.

Turut dilantik Pengerusi Jawatankuasa Audit Integriti, Datuk Mohd Salleh Mahmud sebagai Pengerusi Jawatankuasa ‘Whistle-Blowing’ (Pemberi Maklumat).

## Seroja bukan pesaing rukun tetangga

SHAH ALAM - Skim Rondaan Kejiranan (Seroja) yang ditubuhkan Kerajaan Negeri bukan bertujuan menyaingi Rukun Tetangga, tetapi ia bermatlamat mewujudkan rasa tanggungjawab penduduk serta semangat gotong-royong dan membanteras kegiatan vandalisme.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Iskandar Abdul Samad (*gambar*) berkata, skim yang dimulakan di Pangsapuri Taman Puchong Permai, 10 November lepas adalah sebahagian daripada Kempen Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni yang dilancarkan pada 2009.

“Tiga kawasan perintis dikenal pasti untuk dilaksanakan pada tahun ini.

“Skim ini adalah khusus untuk pen-

diduk pangsapuri di Selangor yang mahu membuat rondaan keselamatan di dalam kawasan pangsapuri mereka,” kata Iskandar dalam kenyataan medianya.



Beliau berkata, rondaan adalah terhad kepada kawasan-kawasan di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC) dan Perbadanan Pengurusan (MC).

“Kerajaan Negeri akan mencarumkan perlindungan Takaful untuk setiap sukarelawan Seroja.

“Setiap kawasan pangsapuri yang menyertai skim ini juga akan diberikan vest dan lampu suluh untuk digunakan ketika meronda,” kata Iskandar.

Jelas beliau, sekiranya skim ini berjaya di kawasan-kawasan perintis itu, maka skim itu akan dilaksanakan di sepuluh kawasan lagi pada tahun hadapan.

Mencorak Masyarakat

unisel  
UNIVERSITI SELANGOR

## PROGRAM “FAST-TRACK” SPM PELAJAR TAHFIZ

ANJURAN YAYASAN PENDIDIKAN ISLAM SELANGOR (YAPIS) DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

KEMASUKAN  
05 JANUARI  
2013

Program peralihan untuk pelajar aliran Tahfiz memasuki program profesional di UNISEL anjuran YAPIS - UNISEL dengan mengikuti kelas intensif SPM 2013.

### 1 Syarat Kelayakan

- Pelajar Tahfiz dengan hafalan minimum 10 Juzuk.
- Berumur 18 tahun ke atas atau memiliki sijil PMR
- Mempunyai kemahiran 5M (Membaca, Menulis, Mengira, Menghafal & Memikir)
- Keutamaan kepada pelajar Hafiz 30 Juzuk dengan Sijil Syahadah/ Khatam

### 2 Cara Memohon

- Muat turun borang permohonan di [www.unisel.edu.my](http://www.unisel.edu.my) atau lengkapkan borang permohonan di bawah dan hantar ke alamat:

2 Sekretariat Program Fast-Track SPM  
Asrama UNISEL Kota Puteri  
No. 2, Jalan Kota Puteri 5/10A  
Seksyen 5, Kota Puteri  
48100 Batu Arang, Selangor Darul Ehsan

### 3 Keterangan Lanjut

- Layari laman web UNISEL di [www.unisel.edu.my](http://www.unisel.edu.my) atau hubungi:

2 Encik Nurdin bin Darman 03-32805140 / 013-8814378 2 Encik Ahmadin bin Abdul Rashid 03-60351237 / 013-2103822

Tarikh Tutup Permohonan : 30 Nov 2012  
( Pemohon yang layak akan dipanggil untuk sesi temuduga pada 1 - 15 Disember 2012 )

### BORANG PERMOHONAN

Nama:

Alamat:

No. K/P:  No. Tel:

Jantina:  E-mel:

(KPT/JPT/DFT/US/B06) | (KPT/SP/PTS/DFT/US/B18)

[www.unisel.edu.my](http://www.unisel.edu.my)





▲ Sempena sambutan perayaan Deepavali, Adun Rawang, Gan Pei Nei, turut meraikannya bersama kanak-kanak daripada Persatuan Kebajikan Sri Saradha Illam, Rawang

▲ Seramai 118 warga emas DUN Hulu Kelang dibawa membeli-belah bersama Saari Sungib. Program Jom Shopping kali ke-12 tersebut diadakan di pasaraya Giant Batu Caves



▲ Adun Batu Tiga, Rodziah Ismail, turun padang meninjau suasana masyarakat India di DUN beliau membuat persiapan bagi menyambut perayaan Deepavali, malah sempat memasang langsir di rumah Puan Alagama yang tinggal di Pangsapuri Rimbajaya Shah Alam



▲ Rumah mangsa kebakaran di Jalan Setia, Sungai Ramal Luar mendapat perhatian Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar dan ketua kampung. Selain melawat, Adun turut menyampaikan sumbangan



▲ Ahli Parlimen Selayang, William Leong, bersama dengan Penyelaras Pejabat Khidmat Masyarakat DUN Kuang, Azman Yaakob, menyampaikan sumbangan kepada masyarakat India sempena sambutan perayaan Deepavali di Ladang Baru dan Bukit Darah



▲ Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali merasmikan Tahfiz Darul Furqan di Sungai Pelek, Sepang



▲ Adun Meru, Dr Rani Osman, melawat sambil menghulurkan saguhati kepada seramai 124 kanak-kanak yang dikhatankan di Masjid Meru



▲ Penduduk Taman Sri Ukay, turun membantah terhadap pembangunan kondominium sekitar kawasan Highland Tower. Demonstrasi yang melibatkan penduduk Taman Sri Ukay dan Hill View berakhir dengan penyerahan petisyen kepada wakil Ahli Parlimen Ampang



▲ Adun Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari, meluangkan masa meraikan Majlis Berkhatan anak-anak penduduk dari Zon 3, Shah Alam



Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Dalam usaha memartabatkan seni budaya Melayu di Selangor, Pertubuhan Seniman Paksi Rakyat (Paksi) dengan kerjasama Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) buat pertama kalinya program yang bertemakan 'Ilmuan Budaya bersama Rakyat' yang diadakan di Klang.

Menurut Presiden Paksi, Che Shamsuddin Othman atau lebih dikenali sebagai Dinsman berkata, program ini bertujuan menghidupkan kembali warisan bangsa Melayu, selain mengaktifkan kembali penggiat seni yang semakin dilupakan generasi kini.

Katanya, bagi sesetengah kaum, seni budaya itu eksklusif dan terhormat, namun bagi kebanyakan orang Melayu pula, mereka seolah-olah melupakan warisan milik nenek moyang itu.

# PAKSI, MBI angkat martabat kebudayaan Melayu



Exco Selangor, Dr Halimah Ali, bersama PAKSI pada majlis 'Ilmuan Budaya bersama Rakyat'

"Tradisi kesenian orang Melayu adalah sebahagian cerminan nilai, minda dan pandangan dunia (worldview)

mereka. Seperti juga karya sastera, seni teater adalah hasil akal budi orang Melayu. Sejak berzaman seni bu-

daya bersemarak dalam masyarakat Melayu.

"Namun perkara itu seakan dilupakan generasi ketika ini,

justeru kita mahu mengorak langkah untuk memperkenalkan kepada generasi kini supaya mereka dapat menjaga seni itu akan datang," katanya ketika dihubungi.

Pelbagai aktiviti menarik ditonjolkan, antaranya deklamasi puisi daripada Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said, Pyanhabib, Sani Sudin dan Prof Shaharir Mohd Zain, serta persembahan gamelan, cempu-ling, demonstrasi silat Seranten, bicara isu semasa bersama Sasterawan Negara Datuk Dr Anwar Ridwan.

Dalam program itu juga, Paksi turut akan menyampaikan anugerah budayawan tempatan.

**Puchong Lake 6**  
Unit Bumiputra

**Kilang berkembar 2 1/2 tingkat**

- \* Keluasan tanah : 7,503kps - 9,806kps
- \* Kawasan binaan : 5,465kps
- \* 2% bayaran pendahuluan (hanya dari RM54,400)

Pemaju:  
Mitrland Puchong Sdn Bhd  
(433421-X)  
Dahulu dikenali sebagai Firasat Bijak Sdn Bhd

017-207 5252 /  
03-6204 0828

## Kempen hormati keselamatan pejalan kaki



Hannah (tengah) bersama mereka yang menjayakan kempen

BANDAR SUNWAY - Satu Kempen Keselamatan Jalan Raya dijalankan bertujuan bagi mendidik semula pemandu kenderaan mengenai keselamatan semua pengguna jalan raya, khususnya pejalan kaki yang menggunakan lintasan zebra.

Kempen berkenaan dianjurkan Rukun Tetangga Kawasan PJS 9, Zon 2 dengan kerjasama Sunway Group dan Balai Polis Bandar Sunway baru-baru ini.

Perlancaran kempen ini dihadiri Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, Ahli Exco Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Datuk Muhammad Fuad Talib serta penduduk di kawasan PJS 9 dan bertempat di Restoran D'

Sayang Bandar Sunway.

Sementara itu, Hannah berkata, masih terdapat segelintir pemandu kenderaan yang berdegil kerana enggan memberhentikan kenderaan apabila lampu isyarat bertukar merah.

Katanya, lintasan zebra ini digunakan pelbagai golongan masyarakat termasuk pelajar kolej, penduduk muda dan tua, pekerja dan pelancong setiap hari dan pemandu kenderaan perlu bertimbang rasa dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

"Ia sesuatu perkara yang menyedihkan apabila terdapat pemandu yang melanggar peraturan walaupun pelbagai amaran dan saman diberikan," katanya.



# Kanak-kanak sebulan antara yang berkhatan



**KESEJUKAN... kanak-kanak ini disiram dengan pili bomba terlebih dahulu sebelum dikhatankan**

Oleh HAFIZAN TAIB

**KUALA LANGAT** - Majlis berkhatan 21 kanak-kanak di Masjid Jamiul Ehsani di Kampung Sijangkang telah dilakukan sendiri Adun Sijangkang, Dr Yunus Hairi.

Ia bertambah istimewa dengan penglibatan bayi berusia sebulan, Muhammad Habibur Rahman Shaiful Amri.

Bapa bayi itu, Shaiful Amri Mohamed Shapik, 36, berkata, memang menjadi kebiasaan beliau dan isteri, Nornajibah Md

Saufi, 36, mengkhatakan anak mereka pada usia awal.

"Dalam keluarga saya memang anak-anak lelaki dikhatankan dalam usia sebulan ke dua bulan kerana pengalaman anak pertama mengalami masalah buang air berdarah," katanya yang bekerja sebagai timbalan pengurus di Takaful Malaysia Bhd.

Doktor menasihatkannya dia dikhatankan awal. Dari situ saya dan isteri teruskan untuk anak kedua dan ketiga kerana kanak-kanak lebih mudah sem-

buh pada usia awal.

"Saya juga menyarankan ibu bapa lain mengkhatakan anak mereka pada usia awal, malah ia menjadi kebiasaan di luar negara terutama di negara Arab," katanya ketika ditemui.

Nazir masjid, Zainal Ulum Ahmad Kasah berkata, majlis berkhatan beramai-ramai itu adalah program tradisi bagi masjid tersebut sejak 2008.

Menurutnya, kali ini ia dijalankan lebih meriah dengan jamuan makan serta semua kanak-kanak dimandikan dahulu dengan siraman pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat yang dijemput jawatankuasa masjid.

"Selain dikhatankan sendiri oleh Dr Yunus, majlis kali ini juga berbeza apabila jamuan beramai-ramai diadakan dan minggu depan turut dijalankan majlis kesyukuran bila semua kanak-kanak ini sembuh," katanya.

Sementara itu, Dr Ahmad Yunus menjelaskan, proses berkhatan dijalankan dengan menggunakan kaedah 'Smart Klam' yang mengurangkan risiko pendarahan dan jangkitan berbanding cara berkhatan biasa.



**Muhammad Habibur menunggu giliran untuk dikhatankan**

## AES: Kenderaan perlahan juga disaman

**SHAH ALAM** - Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) didakwa tidak tepat dalam mengesan kenderaan yang melebihi had laju kerana ia boleh menyebabkan kenderaan yang tidak melebihi had laju juga disaman.

Ini kerana kamera AES yang statik akan menyebabkannya merakam kenderaan yang tidak melebihi had laju yang kebetulan berada di hadapan kamera secara serentak dengan kenderaan lain yang laju.

Dakwaan tersebut dibuat Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan Negeri Selangor, Ronnie Liu semalam.

Ronnie berkata beliau mengetahuinya melalui kajian yang dilakukan baru-baru ini termasuk membuat rakaman video di salah satu tapak kamera AES yang ada di Selangor baru-baru ini.

"Ia bukan macam kamera yang dikendalikan JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalanraya) atau polis trafik, yang boleh terus tembak pada kenderaan yang dipandu laju, tetapi AES ia statik.

"Kalau anda pandu perlahan, tak lebih had laju pun, tetapi ka-

lau ada orang lain yang (melebihi had laju) potong pada saat itu, 'flash' kamera akan tangkap gambar semua kenderaan yang berada di situ pada masa itu.

"Kalau ada tiga kenderaan pada masa itu, ketiga-tiga kenderaan pun akan kena, termasuk pemandu yang melebihi had laju itu sekali," kata Ronnie.

Ronnie juga memberitahu lokasi sebenar AES di Selangor terletak dalam kawasan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) dan bukannya Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) seperti yang disebut sebelum ini.

Menurutnya lagi, notis 14 hari arahan merobohkan kamera AES yang dikeluarkan MPKj baru-baru ini juga ditarik semula.

"Maaf, sebelum ini ada sedikit kesilapan, hari ini notis 14 hari itu dikeluarkan semula MPSp," katanya lagi.

Beliau juga memaklumkan bahawa pegawai MPSp bersedia untuk tampil menjadi saksi di mahkamah sekiranya dipanggil dalam perbicaraan yang melibatkan saman AES nanti.



**TIDAK SAH... pemasangan AES tidak mendapat kebenaran MPSp**

**SUKAN UNTUK SEMUA**  
*selangorku*

**25 NOVEMBER 2012**  
**KOMPLEKS BELIA & KEBUDAYAAN**  
**SEKSYEN 7, SHAH ALAM**

*Semua Dijemput Hadis*

**HADIAH TERKUMPUL UNTUK DIMENANGI**  
**RM20,000**

Futsal Padang, Senamrobik, Bola Jaring, Ping Pong, Dart, Guci Lengan, Batu Seremban, Congkak, Karom, Catur, Layang-layang, Tarik Tali dan Lain-Lain

Nurazlyly - 012 223 5309 Zulkhimi - 012 394 5359  
Yusnaza - 012 386 2030 Azlan - 012 374 7767

BORANG dan maklumat lanjut BOLEH DIMUAT TURUN DI [www.mnselangor.gov.my](http://www.mnselangor.gov.my)



SUNGAI BESAR - "Sejak gunakan kaedah Sistem Intensifikasi Padi (SRI) beberapa musim lepas, penanaman pokok padi lebih subur dan tidak perlu gunakan racun kimia yang boleh mendatangkan ancaman keselamatan," akui Fadzlin Taslimin, 60.

Tambahnya, kos yang digunakan kini hanya sekitar RM1600 berbanding lebih RM5,000 sebelum ini.

"Pada musim ini, saya jangkakan hanya akan mengeluarkan kos kurang RM1,000," kata Fadzlin ketika Majlis Pelancaran Benih Padi SRI di Tali Air 14, Simpang Lima, di sini.

Lain pula bagi Mohd Subki, 40, sejak menggunakan kaedah SRI, kesihatan beliau semakin baik kerana tidak perlu menggunakan pelbagai jenis racun kimia yang boleh mendatangkan mudarat.

## Kaedah SRI tingkatkan pendapatan petani

Katanya, hasil padi yang diperolehnya kini mampu mencecah sehingga 10 tan berbanding hanya 5 tan sebelum ini dan menjangkakan akan bertambah lagi dalam musim akan datang.

Sementara itu, menurut Penasihat Padi SRI Selangor, Noorazimah Taharim yang memberi penjelasan berkenaan penggunaan kaedah itu berkata, pesawah boleh menjimatkan penggunaan air di sawah sehingga 50 peratus lantas mengatasi masalah pengairan sawah padi ketika

waktu musim kemarau. Katanya, melalui kaedah SRI itu petani boleh menghasilkan



Fadzlin



Mohd Subki



JIMAT, SELAMAT... para petani berpuas hati selepas menggunakan kaedah SRI

baja dan pencegah serangga yang boleh diperolehi daripada bahan-bahan disekitar kampung.

Pesawah boleh menghasilkan baja daripada rebung, siput gondang, buah nenas, labu kayu, kangkung, bayam, bonggol pisang, pisang, koko, sabut kela-

pa, putik kelapa, kulit telur dan tulang.

Manakala untuk membuat pencegah serangga perosak, pesawah boleh menggunakan bawang putih, cili, daun durian Belanda, daun mambu, lengkuas, halia, serai wangi, buah labu kayu dan tembakau.

Kaedah SRI itu merupakan salah satu projek di bawah Menteri Besar Incorporated (MBI) bersama Jabatan Pertanian Negeri Selangor yang mendapat sokongan kuat Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim untuk meningkatkan hasil pendapatan pesawah di negeri ini.

## Sasar pendapatan petani RM3,000

KUALA LANGAT - Dalam meneruskan pembangunan pertanian di Selangor, Kerajaan Negeri mensasarkan agar golongan petani dapat meraih pendapatan RM 3,000 dan ke atas sebulan daripada hasil penanaman mereka.

Exco Pemodelan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan Selangor, Dr Yaakob Sapari berkata, ini akan dilakukan melalui kajian bagi memodenkan proses penanaman dan meningkatkan hasil tananam.

Yaakob berkata, Kerajaan Negeri juga akan memastikan hanya petani yang akan mendapat tanah pertanian dan bukan pihak yang tidak terlibat dalam industri itu.

Bagi mencapai matlamat itu, Kerajaan Negeri juga berharap petani berusaha memasarkan hasil tanaman mereka tanpa orang tengah

bagi menjimatkan kos.

Beliau berkata, pendekatan ini mampu mengurangkan perbelanjaan kos sebanyak RM500 hingga RM700 sebulan.

"Pertanian adalah bidang yang mampu memberi pulangan lumayan sekiranya diberikan tumpuan serius oleh golongan petani," kata Yaakob dalam sesi lawatan ke Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Kampung Sungai Kelambu di sini, baru-baru ini.

kita juga mahu golongan muda menyertai bidang pertanian terutama yang berkelulusan universiti. "Dengan cara ini pertanian akan dapat dimajukan kerana disertai golongan terpelajar," katanya lagi.

"Dengan kesungguhan Kerajaan Negeri dan semua pihak terlibat, kini Selangor mencatatkan penghasilan kira-kira 60 peratus daripada hasil pertanian negara," katanya.

**Dr Yaakob dibawa meninjau ke ladang nanas**



## Pesawah perlu amal pertanian mesra alam

Oleh MOHD EZLI MASHUT

SUNGAI BESAR - Pesawah digalakkan melaksanakan penanaman padi yang mesra alam dengan menggunakan baja organik dalam usaha mengurangkan kos penggunaan baja kimia yang harganya semakin meningkat.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim berkata, negeri Selangor melangkah ke depan dalam pelaksanaan pertanian mesra alam dengan menggalakkan petani menggunakan teknik Sistem Intensifikasi Padi (SRI) bagi mengurangkan kos penanaman padi dan pencemaran air.

"Petani yang berani, perlu melangkah menggunakan baja organik dan secara berperingkat meninggalkan penggunaan baja kimia," katanya.

Menurut beliau, apabila pesawah menggunakan baja organik maka secara tidak langsung akan mengurangkan kadar bahan kimia yang wujud di sungai dan tali air.

"Akhirnya nanti apabila meng-



Ng Suee Lim

gunakan kaedah mesra alam ini, ikan-ikan akan kembali ke bendang.

"Sekarang ikan-ikan ini berkurangan disebabkan menggunakan pelbagai jenis racun yang mengancam hidupan ikan," katanya semasa Majlis Pe-

rasmian Benih Padi SRI di Tali Air 14, Simpang Lima, di sini.

Sementara itu, Exco Pertanian Dan Industri Asas Tani Kedah, Datuk Amiruddin Hamzah berkata, amalan pertanian yang

lestari alam ini akan memberikan keuntungan jangka panjang kepada generasi akan datang.

Ujarnya, kaedah SRI ini akan diperluaskan di seluruh Kedah dan usaha pemberi penerangan serta tunjuk ajar kepada pesawah akan diperluaskan.

"Amalan lestari alam ini lebih mudah didekati dan memikat hati para petani di kawasan masyarakat miskin kerana bahan untuk membuat baja boleh didapati di sekeliling mereka," katanya.



# Kontraktor digesa tinggalkan budaya 'Rentier Class'

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Semua kontraktor di negeri ini digesa meninggalkan budaya 'rentier class' yang merupakan peninggalan pemerintah Umno-BN.

Exco Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Yaakob Sapari berkata

**Usahawan kontraktor di negeri ini perlu lebih bersikap matang dan profesional**

- YAAKOB SAPARI  
Exco Selangor

budaya tidak sihat itu sewajarnya dielakkan.

"Konsep 'rentier class' berlaku apabila main-con (main-contractor) lepaskan kerja kepada sub-con (sub-contractor) dan akhirnya berlaku satu 'permainan di kalangan kontraktor'. Ini budaya yang tidak sihat yang sewajarnya dielakkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Seminar Keusahawaan Kontraktor Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan di Dewan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Hadir sama, Datuk Bandar MBSA, Datuk Jaafar Mohd Atan.

Dr Yaakob turut mencadangkan alternatif lain bagi menggantikan konsep 'rentier class' kepada 'owner operator' dengan memberi fokus supaya kerja dijalankan dengan lebih efisien

tanpa mewujudkan kelas-kelas kontraktor yang mengambil keuntungan atas angin.

Jelasnya, 'owner operator' merupakan cara paling berkesan dalam menangani masalah itu kerana hanya satu pihak sahaja yang bertanggungjawab menguruskan sesuatu kerja.

"Ia tanpa dipecahkan kepada kelas-kelas kontraktor lain dan tidak akan saling tuduh-menuduh antara satu sama lain jika berlaku sebarang masalah.

"Usahawan kontraktor di negeri ini perlu lebih bersikap matang dan profesional," katanya.

Tambahnya, mana-mana kontraktor yang bermasalah, kita tidak teragak-agak untuk memberi kad merah dan tidak dibenarkan 'turun padang' selama dua tahun.



Antara kontraktor yang hadir pada seminar Keusahawaan Kontraktor Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan

## Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

### MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1 -800-22-8100

### MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Tel : 03-60641331 SMS: taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. Semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

### MAJLIS PERBANDARAN KLANG

www.mpklang.gov.my  
Kutipan Sampah: Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);  
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif )  
Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)  
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);  
Klang Selatan: 016-3824471 (Loganathan)  
Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

### MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825SMS: Taip "MDKLADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

### MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

www.mdks.gov.my Tel: 03-3289 1439

### MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

### MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

www.mps.gov.my  
Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

### MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

www.mpsepang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

### MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

www.mbsa.gov.my  
Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

### MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

www.mpsj.gov.my  
Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

### MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

www.mbpj.gov.my  
Tel: 03-79542020 (24-jam hotline) / 03-79563544 (am)  
SMS: Taip "MBPJADUAN [ aduan ]" dan hantar ke 33213

**Binaan Ddaman Rumah-rumah Holistik**  
Idea yang unik, anggun, mulia, senang, mesra alam sekitar, contoh kualiti kehidupan yang tinggi adalah satu tempatan kediaman sekeluarga yang selesa dan menenangkan hati.

**SEMI-D 38' x 96'**

**Pegangan Bebas**

- Kabel Dipasang Bawah Tanah
- Keluasan Pintu Berpagar 14ft
- Tempat Meletak Kereta Yang Luas - Muat 4 Kereta
- 4 Bilik 4 Bilik Mandi - Kesemua Bilik Di Tingkat 1 Dilengkapi Bilik Mandi
- Percuma Yuran Guaman Bagi Perjanjian S&P
- Sistem Pengumpulan Air Hujan

**Unit Bumiputera Sahaja**

**LOT KEDAI**

**BANGLO**

Pemaju:  
**PLP DEVELOPMENT SDN. BHD.** (948427-A)  
No.59A, Jalan BPU2, Bandar Puchong Utama, 47100 Puchong, Selangor D.E. Tel: +603 5882 8913 Fax: +603 5882 9213

• Lesen Pemaju 11725-1/11/201 41385 • Tempoh Saha 17/11/2011 - 16/11/2014 • Permit Iklan & Jualan 11725-1/2530/2012 (11) • Tempoh Saha Permit 30-11-2011 - 29-11-2012  
• No. Kebahasan Plan Bangunan: MDK2/280/4/11/2011 - 1009 • Majlis yang meluluskan: Majlis Daerah Kuala Selangor • Jenis Hakmilik: Tanah Bebas  
• Harga Minimum Rumah Sekebah - (RM 550,560.00) • Bekas Tanah Tiada • Rumah Berkenbar - (RM 451,050.00) • Tarikh Dijangka Siap Di: 2013  
• Harga Maksimum Rumah Sekebah - (RM 615,320.00) • Sekatan Kepentingan Tiada • Rumah Berkenbar (RM 500,120.00) • Bilangan Unit 2 unit Rumah Sekebah & 18 unit Berkenbar  
• 7% Potongan Harga Bagi Pembeli Bumiputera • Terma dan syarat yang dipersetujui.



Oleh AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Bekas Ketua Hakim Syarie Selangor, Datuk Johdi Toha dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Selangor 1434H/2012M.

Pemilihan Johdi dibuat sebagai penghargaan atas sumbangannya sepanjang perkhidmatannya selama 37 tahun.

Beliau yang ditemui melahirkan rasa gembira dan bersyukur di atas penghargaan tersebut yang diberikan selepas beliau menyambut ulang tahun kelahiran yang ke-66.

"Sebenarnya saya tidak me-

# Hakim Syarie tokoh Maal Hijrah Selangor 1434H

nyangka mendapat anugerah yang begitu besar pada diri saya berbanding dengan khidmat saya yang begitu kecil sangat kepada negeri Selangor.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Jais yang berusaha mengaturkan semua ini sehingga dipilih menjadi Tokoh Maal Hijrah 1434H," katanya yang akan bersara bulan ini.

Beliau yang kini bertugas di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), mula berkhidmat sebagai kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam pada tahun 1975.

Beliau membawa pulang hadiah wang tunai RM10,000 sumbangan Kerajaan Selangor, RM10,000 sumbangan Lembaga Zakat Selangor (LZS), siji peng-



**Johdi (baju biru) bersama penerima anugerah yang turut dipilih bagi menghargai jasa-jasa mereka**

hargaan, trofi Maal Hijrah, sepersalinan pakaian dan anugerah mengerjakan umrah.

Majlis Pelancaran Sambutan Maal Hijrah Peringkat Selangor 1434H disempurnakan DYMM

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertempat di Masjid Negeri.

## Penerima anugerah lain

- Anugerah Pertubuhan/ Badan Dakwah Sukarela Negeri - Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim)
- Anugerah Tokoh Saudara Baru - Professor Taufiq Yap Yun Hin
- Tokoh Keluarga Mithali - Harun Hasan



Gambar sebenar 'Central Park'

BERSUKA RIA.  
BELAJAR.  
BERAMAH  
MESRA.

**16 SIERRA**  
@ Puchong South

Di 16 Sierra segala keindahan menantikan anda. Terdapat sebuah rumah kelab persendirian dengan kemudahan penuh, sekolah antarabangsa dan swasta serta 16 taman bertema (termasuk Central Park). Kesemuanya dalam suasana nyaman dan selamat. Tidak hairan jika semua orang gemarkan 16 Sierra.



**Lyden**  
Rumah Teres 2 & 3 Tingkat

- Saiz lot dari 22' x 75'
- Luas binaan kasar dari 2,466 k.p.s.
- 4 bilik tidur + 1 bilik utiliti (2 tingkat)
- 5 bilik tidur + 1 bilik utiliti (3 tingkat)
- Harga dari RM743,814\*\*

**Rumah Contoh Dibuka  
Untuk Dikunjungi**

Masa : 10 pagi - 5 petang  
Tempat : IOI Galleria @ 16 Sierra

Untuk pertanyaan, hubungi **03-8944 9999**

[www.ioiproperties.com.my/16sierra/lyden/sk](http://www.ioiproperties.com.my/16sierra/lyden/sk) • [www.facebook.com/ioiproperties](http://www.facebook.com/ioiproperties)

Pembangunan Perbandaran Di: **IOI PROPERTIES**

Pemaju:  
**LUSH DEVELOPMENT SDN. BHD.**  
(No. Sykt. 348635-D)  
(AHLI Kumpulan IOI Properties Bhd)  
ML, Two IOI Squares, IOI Resort,  
62502 Putrajaya, Malaysia.

Pejabat Jualan & Pemasaran:  
**IOI GALLERIA@16 SIERRA**  
Pensiiran Sierra Utama, Bandar 16 Sierra,  
47110 Puchong, Selangor D.E.  
Tel: 03-8944 9999 Fax: 03-8944 9959  
Emel: 16sierra.marketing@ioigroup.com

LYDEN • No. Lesen Pemaju: 11100-403-2014/304 • Tarikh Sah: 14.03.2011-13.03.2014 • No. Permit Iklan & Jualan: 11100-4/20/2013/04 • Tarikh Sah: 07.04.2012-06.04.2013 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Sepang • No. Pelan Bangunan: MPS16/9/D/142/10 • Tarikh Diangka Saiz: Ogos 2013 • Hakmilik Tanah: Pajakan 99 Tahun (Tempoh Tamat: 13.06.2199) • Sebatiran Tanah: Tida • Rancangan Teres • Jumlah Unit: 228 • Harga: RM620,800 (Mula) - RM1,960,000 (Maka) • Rumah Berkembar & Bangla Lat Sitar • Jumlah unit: 35 unit • Harga: RM1,930,800 (Mula) - RM2,700,800 (Maka) • \*Selepas 7% Diskaun Bumiputra • Sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau dipadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. • Segala maklumat yang terkandung di sini adalah tertakuk pada perubahan, sebagaimana dikehendaki oleh pihak berkuasa atau pakar perunding pihak pemaju, dan tidak bermaksud untuk membentuk dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada apa-apa tawaran atau kontrak. Semua lukisan adalah hasil tanggapan pelukis sahaja.





# Kerajaan Negeri prihatin nasib mangsa banjir



Mangsa banjir berbaris untuk menerima bantuan daripada Menteri Besar

Oleh AFEEQA AFEERA

**BANTING** - "Sudah hampir dua minggu saya menetap di pusat penempatan sementara ini dan dibenarkan pulang dua hari lalu.

"Keadaan rumah sangat teruk dan saya amat bersyukur atas bantuan yang diberikan Kerajaan Negeri," kata, Azhar Alias, 47.

Beliau turut terharu dengan bantuan yang diterima, walaupun jumlahnya kecil, tetapi sekurang-kurangnya dapat meringankan beban mereka sekeluarga.

Berkongsi perasaan sama ialah penduduk Kampung RTB, Kartini Lamin, 47, yang merasakan sumbangan diterima daripada Kerajaan Negeri ini memang diperlukan untuk menampung perbelanjaan keluarga setelah berhadapan bencana banjir terburuk setakat ini.

"Rumah saya mula dinaiki air secara mendadak pada 5 November lalu, iaitu ketika waktu subuh. Alhamdulillah... saya dapat menyelamatkan semua ahli keluarga, namun perabot dan peralatan elektrik musnah semuanya, katanya.

Beliau yang memiliki seorang anak dan kakak kurang upaya (OKU), amat berterima kasih dan bersyukur di atas pemberian Kerajaan Negeri itu.

Baru-baru ini Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim,

bertindak turun padang melawat mangsa banjir di pusat penempatan sementara di Sekolah Kebangsaan Rancangan Tanah Belia (RTB) Bukit Changgang.

Walaupun tanggungjawab memberi bantuan tersebut seharusnya diusahakan Kerajaan Persekutuan di bawah Majlis Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri, namun setakat ini tiada usaha drastik dilakukan pihak terbabit.

Justeru, Kerajaan Negeri menyalurkan sumbangan sebanyak RM500 untuk setiap

keluarga bagi meringankan beban yang dihadapi.

Majlis penyerahan sumbangan kepada lebih 300 mangsa bencana daerah Kuala Langat itu dilakukan Menteri Besar.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi, Rodziah Ismail serta Adun Teluk Datuk, Philip Tan.



Azhar Alias



Kartini Lamin

WAKTU SOLAT SELANGOR							
23 - 30 NOVEMBER 2012							
9 - 16 MUHARRAM 1434							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
23 Jumaat	5:32	5:42	7:02	1:02	4:25	6:59	8:13
24 Sabtu	5:32	5:42	7:03	1:03	4:25	7:00	8:13
25 Ahad	5:32	5:42	7:03	1:03	4:25	7:00	8:13
26 Isnin	5:32	5:42	7:03	1:03	4:26	7:00	8:14
27 Selasa	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:00	8:14
28 Rabu	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:01	8:15
29 Khamis	5:33	5:43	7:05	1:04	4:27	7:01	8:15
30 Jumaat	5:33	5:43	7:05	1:05	4:27	7:01	8:15
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
23 Jumaat	5:34	5:44	7:04	1:04	4:25	7:01	8:15
24 Sabtu	5:34	5:44	7:05	1:05	4:25	7:02	8:15
25 Ahad	5:34	5:44	7:05	1:05	4:27	7:02	8:15
26 Isnin	5:34	5:44	7:06	1:05	4:28	7:02	8:16
27 Selasa	5:35	5:45	7:06	1:06	4:28	7:02	8:16
28 Rabu	5:35	5:45	7:06	1:06	4:28	7:03	8:16
29 Khamis	5:35	5:45	7:07	1:06	4:29	7:03	8:17
30 Jumaat	5:36	5:46	7:07	1:07	4:29	7:03	8:17

**MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)**

**TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR**  
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)  
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741,  
Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

**SKIM MESRA USIA EMAS**  
Rantaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455  
emel: mesrausiaemas@gmail.com

**HADIAH ANAK MASUK IPT** Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S, 40503 Shah Alam  
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095 atau 03-55110659

**PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN**  
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736  
email : info@semesta.com.my  
Laman Web : www.semesta.com.my

**TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG**  
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam  
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618.  
Faks : 03-5510 6678

**PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)**  
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622.  
Faks : 5519 3304

**BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU**  
Kumpulan Darul Ehsan Berhad, 16th - 17th Floor, Plaza Perangas, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977  
Emel: communications@kdeb.com

**SKIM KESIHATAN WANITA**  
Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455  
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

**PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)**  
Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20, Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617  
Laman Web http://www.mimbarselangor.org

**SKIM MIKROKREDIT SELANGOR**  
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 4000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312  
Fax : 03-551055829 Laman Web http://www.skimsel.com

**PUSAT DIALISIS RAKYAT**  
Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455  
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

**PUSAT TUISYEN RAKYAT**  
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40000 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543  
Faks: 03-55104095/ 55135564/ 55447391  
Blog http://tuisyenrakyat.blogspot.com



Oleh SHERIDAN MAHAVERA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri Selangor sekali lagi membentangkan belanjawan berimbang dengan peruntukan sebanyak RM1.630 bilion bagi tahun 2013.



Ekoran kecekapan pengurusan kewangan, belanjawan tersebut menaikkan peruntukan dana untuk pembangunan sebanyak RM600 juta dan mengurangkan belanja mengurus sebanyak RM3 juta.

Selain itu, rizab simpanan Kerajaan Negeri mencecah RM2.570 bilion setakat 31 Oktober 2012.

Belanjawan sejumlah RM1,630 juta ini dianggarkan diterima daripada Hasil Cukai sebanyak RM584 juta (35.86 peratus), Hasil Bukan Cukai RM860 juta (52.75 peratus) dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM186 juta atau 11.40 peratus.

Belanjawan 2013 menekankan kepada tiga strategi utama, iaitu memperkasakan Pengurusan Tenaga Kerja, Sumber Kewangan, Pentadbiran dan Aset Negeri; Melestarian Pembangunan Inovasi dan Moden; serta memperkukuhkan Kualiti Hidup Rakyat.

Belanjawan tersebut dibentangkan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini.

Menurut sekretariat akhbar pejabat Menteri Besar, belanjawan berte-makan 'Selangor Peneraju Ekonomi Malaysia', memperuntukkan sebanyak RM996,980,690.00 atau 61 peratus untuk perbelanjaan mengurus.

[Lihat muka 3](#)

## Belanjawan berimbang RM1.6 bilion



**DIBANTU...** Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menyerahkan bantuan kepada lebih 300 buah keluarga mangsa banjir Daerah Kuala Langat di pusat penempatan sementara, Sekolah Kebangsaan Rancangan Tanah Belia (RTB) Bukit Changgang. Hadir sama, Exco Kebajikan, Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi, Rodziah Ismail serta Adun Teluk Datuk, Philip Tan. BERITA LANJUT MUKA 15

Untuk informasi & berita terkini  
Layari [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)

**mediaselangorku**

<http://www.selangorku.com/?feed=rss2>  
<http://twitter.com/#!/mediaselangorku/>  
<http://www.facebook.com/MediaSelangorku>

BERITA/ ARTIKEL/ VIDEO